

GARIS PANDUAN PENDAFTARAN VENDOR

1. Pendaftaran untuk Vendor boleh dilakukan melalui laman web korporat PR1MA:
<http://www.pr1ma.my>

2 Peraturan Am

- 2.1. Berikut adalah entiti-entiti yang dibenarkan untuk mendaftar sebagai vendor PR1MA:
 - 2.1.1 Pemilikan Tunggal
 - 2.1.2 Perkongsian
 - 2.1.3 Perusahaan
 - 2.1.4 Syarikat (Persendirian & Awam Berhad) yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - 2.1.5 Firma / Badan-badan profesional iaitu Firma Jurukur Bahan, Akitek & Jurutera.
 - 2.1.6 Syarikat-syarikat asing berdaftar
- 2.2 Modal berbayar minima bagi syarikat-syarikat Berhad dan Sendirian Berhad mestilah sekurang-kurangnya RM10, 000.00.
- 2.3 Syarikat mesti mendapatkan lesen yang sah bagi setiap kategori kerja yang dipohon dan menyediakan salinan sebagai lampiran semasa penyerahan.

3 Sokongan yang Perlu Dilampirkan Semasa Memohon

- 3.1 Vendor dikehendaki untuk melampirkan dokumen sokongan dalam bentuk “softcopy” dalam borang pendaftaran dalam talian.
- 3.2 Dokumen Sokongan yang diperlukan sebagai lampiran (yang mana berkenaan) :
 - 3.2.1 Profil Syarikat (Carta Organisasi, Perkhidmatan yang Ditawarkan, Maklumat & Katalog Produk)
 - 3.2.2 Carta Organisasi (lengkap dengan Nama & Jawatan)
 - 3.2.3 Maklumat peribadi (Bukti kelayakan & Pengalaman) pekerja yang memegang jawatan utama di dalam Syarikat
 - 3.2.4 Surat pelantikan yang sah daripada Prinsipal / Pengilang bagi setiap barangan yang dibekalkan dan maklumat teknikal berkaitan (katalog, spesifikasi, pengalaman bekalan dan sebagainya) untuk ejen / pembekal yang memasarkan barangan pengeluaran (jika berkenaan)
 - 3.2.5 Pensijilan dengan Badan Kerajaan, Sektor Swasta & Sektor Awam:
 - 3.2.5.1 Akuan Pendaftaran Kontraktor daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
 - 3.2.5.2 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
 - 3.2.5.3 Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
 - 3.2.5.4 Lesen pengilangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan
 - 3.2.5.5 Lesen untuk Perdagangan barangan dimansuhkan dari Polis Diraja Malaysia (PDRM)
 - 3.2.5.6 Lembaga Jurutera Malaysia
 - 3.2.5.7 Lesen Mesin Cetak
 - 3.2.6 Dokumen dan sijil pendaftaran berstatus Bumiputera daripada:
 - 3.2.6.1 Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
 - 3.2.6.2 Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
 - 3.2.6.3 Penyata Terbaru Akaun Bank

- 3.3 Lain-Lain Dokumen Yang Diperlukan untuk Syarikat Persendirian dan Awam Berhad dan Syarikat yang Disenaraikan :
- 3.3.1 Borang 9 - Sijil Perbadanan Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)*
 - 3.3.2 Borang 13 - Sijil Penubuhan Pertukaran Nama Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM)*
 - 3.3.3 Borang 24 - Pulangan Pembahagian Saham *
 - 3.3.4 Borang 32A - Pemindahan Saham (jika ada) *
 - 3.3.5 Borang 49 - Maklumat Terbaru Pengarah, Pengurus & Setiausaha*
 - 3.3.6 Borang Penyata Tahunan Syarikat mempunyai Modal Saham untuk dua (2) tahun berturut-turut *
 - 3.3.7 Akaun yang telah diaudit bagi Tahun Kewangan yang lalu
 - 3.3.8 Laporan Tahunan terbaru Syarikat yang telah diaudit
- 3.4 Lain-Lain Dokumen Yang Diperlukan bagi Enterprise, Pemilikan Tunggal atau Perkongsian
- 3.4.1 Borang D - Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) *
 - 3.4.2 Maklumat Perniagaan & Pemilik Semasa atau dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) *
 - 3.4.3 Pembaharuan Sijil Pendaftaran Syarikat (Borang E) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) *
 - 3.4.4 Sijil Pendaftaran di bawah Ordinan Nama-nama Perniagaan bagi Sarawak atau
 - 3.4.5 Borang B di bawah Ordinan Lesen Perdagangan 1948 bagi Sabah
 - 3.4.6 Penyata Pendapatan & Kunci Kira-Kira bagi Tahun Kewangan yang lalu

Perhatian:

** Dokumen imbasan hendaklah ditentukan oleh kakitangan Syarikat yang diberi kuasa atau 'salinan yang diperakui benar' oleh pihak yang diberi kuasa.*